

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

RAW 552 Amalan Profesional Seni Bina

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

Soalan Bahagian A adalah WAJIB.

Soalan Bahagian B: Jawab EMPAT daripada 5 soalan.

Bahagian A: Soalan ini adalah WAJIB.

1. Bincangkan secara ringkas perkara-perkara berikut berpandukan Akta Arkitek 1967 dan Skedul 27 Peraturan Arkitek 1973.
 - (a) Dedikasi terhadap tugas dan tanggung jawab.
 - (b) Percanggahan tugas dan perkhidmatan.
 - (c) Iklan dan pemasaran perkhidmatan.
 - (d) Berkongsi niaga dengan pihak lain.

(20 Markah)

Bahagian B: Jawab EMPAT soalan sahaja.

2.
 - (a) Bincangkan bagaimana pihak kontraktor dapat pastikan bahawa Arkitek tidak akan menyebelahi majikan di dalam pentadbiran kontrak terutama sekali bayaran perkhidmatannya adalah dibayar oleh majikan.
 - (b) Bincangkan bagaimana majikan dapat pastikan bahawa Arkitek tidak akan meningkatkan kos binaan melalui rekabentuknya sedangkan bayaran profesionalnya adalah berkaitan dengan perkara ini.

(20 Markah)

...2/-

3. Anda adalah Arkitek di dalam projek perumahan di Telok Burau, Langkawi Kedah.
- (a) Senarai dan terangkan secara ringkas tugas-tugas perunding-perunding yang terlibat bersama di dalam perancangan dan proses pembinaan ini.
 - (b) Senarai dan terangkan secara ringkas proses-proses kelulusan yang perlu didapati sebelum rumah-rumah diduduki oleh pembeli-pembeli.

(20 Markah)

4. Kecacatan didapati di dalam tempoh masa kecacatan kontrak Bangunan. Kerja tersebut dilakukan oleh sub-kontraktor terdahulu. Majikan telah meminta anda mengambil langkah-langkah perlu untuk memperbaikinya.
- (a) Siapa sebenarnya bertanggung jawab di atas kerja pembinaan ini dan apakah langkah-langkah yang perlu anda ambil?
 - (b) Jika sub-kontraktor tidak memperbaiki kerosakan ini, bolehkah orang lain melakukannya?

(20 Markah)

5. Anda dilantik mempengerusikan majlis timbang-tara berkaitan dengan pertelingkahan di antara majikan dan kontraktor utama.
- (a) Nyatakan langkah-langkah yang perlu diambil sebelum perbincangan bermula.
 - (b) Mengapakah perkara seperti ini tidak dihadapkan terus kepada mahkamah?

(20 Markah)

6. (a) Apakah tujuan memanggil tender untuk kerja-kerja pembinaan dan kriteria yang diperlukan untuk memilih penender-penender yang sesuai?
- (b) Memandangkan masa terlalu suntuk untuk proses tender biasa, apakah langkah-langkah lain yang boleh anda ambil untuk mendapatkan penender yang memenuhi kehendak majikan?

(20 Markah)

-ooo000ooo-